

PELENGKAP TENAGA KERJA BERKEMAHIRAN TINGGI

Bahasa ketiga 'senjata' penting dunia TVET

Bersama Nuruliyazia Othaman



endiidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan kompeten.

Namun, kemahiran teknikal sahaja tidak mencukupi untuk memastikan kejayaan dalam dunia pekerjaan yang semakin kompleks. Di sinilah peranan bahasa ketiga menjadi sangat penting sebagai pelengkap kepada TVET.

Bahasa ketiga menjadi pelengkap TVET bagi membantu dalam komunikasi, pembelajaran, membina kerjasama

Bahasa ketiga menjadi pelengkap TVET bagi membantu dalam komunikasi, pembelajaran, membina kerjasama

Kemahiran berkomunikasi adalah asas kepada kejayaan dalam mana-mana bidang pekerjaan. Pelajar tidak hanya bergantung pada kemahiran yang dimiliki kerana, pelajar tidak mampu untuk bergerak terus ke hadapan.

Melangkah keluar dari universiti setelah bergraduasi pastinya memerlukan kemahiran bahasa yang diaplikasi untuk memohon pekerjaan sama ada dalam negara mahupun luar negara. Menulis *resume* dengan bahasa yang betul sangat penting. Seterusnya, kemahiran berkomunikasi ketika saaat ditemui juga bakal majikan juga sememangnya perlu dijalankan dengan menggunakan bahasa yang baik dan teratur.

Dalam konteks TVET, penguasaan bahasa ketiga seperti bahasa Arab, Jerman, Mandarin atau bahasa lain yang relevan membantu pelajar berkomunikasi dengan jelas dan efektif di peringkat antarabangsa. Ini termasuk kemampuan untuk menyampaikan idea, memberi arahan dan berinteraksi dengan rakan sekerja serta pelanggan daripada pelbagai negara. Menguasai bahasa ketiga yang baik membantu dalam mengelakkan salah faham dan meningkatkan produktiviti serta dapat membantu majikan untuk meluaskan lagi pasaran di luar negara.

Bahasa ketiga juga memainkan peranan penting dalam pembelajaran berterusan. Dalam dunia yang sentiasa berubah, pekerja perlu sentiasa

mengemas kini pengetahuan dan kemahiran mereka. Pelajar sudah dibekalkan dengan asas pengetahuan bahasa ketiga di peringkat universiti. Jadi, apabila telah berada dalam bidang kerjaya, menjadi kemestrian untuk pekerja terus mengasah dan meluaskan pengetahuan dalam bahasa ketiga. Ini dapat membantu mereka untuk membaca dan memahami bahan teknikal dalam bahasa ketiga, mengikuti kursus dalam talian dan berunding serta berkomunikasi dengan pakar dalam bidang tertentu.

Pada masa sama, ia juga dapat membantu perkembangan profesional pekerja. Menjadi satu bonus kepada majikan dan pekerja apabila mempunyai pengetahuan bahasa ketiga yang baik serta dapat memahaminya. Ia memudahkan akses kepada sumber-sumber pembelajaran global tanpa batasan.

Dalam pelbagai situasi kerja, kebersamaan dan kerja berpasukan adalah kunci kepada kejayaan sesebuah projek. Kemahiran bahasa ketiga yang baik membantu dalam membina hubungan profesional dengan rakan sekerja daripada pelbagai negara selain dapat memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing serta menyelesaikan konflik dengan cara yang konstruktif. Ini semua menyumbang kepada

"Integrasi kemahiran bahasa ketiga dalam kurikulum TVET adalah penting untuk melahirkan tenaga kerja yang holistik dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang dinamik"

persekitaran kerja yang harmonis dan produktif di peringkat antarabangsa.

Kita juga dapat bekerjasama dan meratkan kepelbagaian pendapat walaupun dalam suasana pekerja yang datang daripada pelbagai latar belakang negara. Dalam dunia globalisasi, pekerja juga sering kali perlu berinteraksi dengan individu daripada pelbagai latar belakang budaya. Penguasaan bahasa ketiga yang baik membantu dalam memahami dan menghormati perbezaan budaya, serta menyesuaikan diri dengan norma komunikasi yang berbeza. Ini kerana kita bukan sahaja perlu menguasai sesuatu bahasa ketiga, malah kita juga patut mengenali budaya bahasa ketiga itu. Ini penting untuk membina hubungan yang baik dan mengelakkan salah faham komunikasi yang boleh menjejaskan kerjasama

antarabangsa.

Kesimpulannya, kemahiran bahasa ketiga yang baik meningkatkan daya saing individu dalam pasaran kerja global. Majikan masa kini dilihat lebih cenderung untuk memilih pekerja yang bukan sahaja mempunyai kemahiran teknikal yang luas, tetapi juga mampu berkomunikasi dengan baik dalam bahasa ketiga. Ini kerana, pekerja yang mempunyai kemahiran dan menguasai bahasa ketiga dengan baik lebih mudah untuk dilatih, lebih fleksibel dan mampu mengambil peranan yang lebih luas dalam organisasi antarabangsa.

Bahasa ketiga adalah pelengkap yang tidak boleh diabaikan dalam TVET. Ia bukan sahaja membantu dalam komunikasi dan pembelajaran, tetapi juga dalam membina kerjasama, menyesuaikan diri dengan budaya yang berbeza dan meningkatkan daya saing individu di peringkat global. Oleh itu, integrasi kemahiran bahasa ketiga dalam kurikulum TVET adalah penting untuk melahirkan tenaga kerja yang holistik dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang dinamik.

Penulis guru bahasa, Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)